

## SIARAN AKHBAR

### Untuk Edaran Segera

#### ***Prestasi Labuan IBFC 2018: Pertumbuhan yang didorong oleh kenaikan berterusan dalam perniagaan bukan pemastautin; perkukuh peranan sebagai pusat pengantara kewangan Asia***

- *12.5% pertumbuhan dalam penubuhan syarikat*
- *Pertumbuhan 11.5% dalam penubuhan syarikat amanah Labuan dan khidmat pentadbiran korporat di Labuan IBFC*
- *19.1% pertumbuhan dalam premium insurans bertulis, 64.7% daripadanya adalah perniagaan asing*

**Labuan, 25 Mac:** Laporan pasaran pertama 2018 yang dikeluarkan oleh Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) menyoroti pertumbuhan berterusan pusat kewangan ini dengan perniagaan bukan pemastautin memacu perkembangan perniagaan yang dijalankan di Labuan IBFC. Didorong oleh dasar perniagaan yang teguh, pengembangan dan pengukuhan peranan pengantaraan Labuan IBFC membolehkan perniagaan Asia terus meneroka peluang di rantau ini.

Pertumbuhan menyeluruh pada tahun 2018 menggariskan keunggulan Labuan IBFC yang semakin meningkat sebagai hab kewangan serantau, yang memudahkan perdagangan intra-Asia, pelaburan dan pengantaraan aset. Pencapaian yang ketara dalam sektor perniagaan Labuan IBFC pada tahun 2018 termasuk:

- Penubuhan syarikat baru mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 12.5% atau 1,059 syarikat, terutamanya dari rantau Timur Jauh, dengan majoriti dari Jepun, China dan Korea Selatan.
- Peningkatan dalam penubuhan syarikat mendorong pertumbuhan syarikat khidmat pentadbiran korporat di Labuan IBFC dengan sejumlah 58 syarikat pentadbiran korporat di Labuan, termasuklah enam lesen baru - peningkatan

11.5% dari tahun ke tahun dalam menyediakan perkhidmatan nilai tambah kepada entiti korporat Labuan dan memperluaskan jangkauan Labuan IBFC di seluruh Asia.

- Sektor insurans Labuan terus kukuh dengan jumlah premium bertulis kasar yang mencatatkan kenaikan ketara kepada USD1.7 bilion, peningkatan 19.1% berbanding tahun sebelumnya. Perniagaan insurans asing menyumbang 64.7% daripada jumlah premium yang ditaja jamin.
- Perniagaan insurans kaptif terus berkembang pada tahun 2018, dengan jumlah premium kasar meningkat sebanyak 11% kepada USD400.5 juta; dengan 67.4% premium daripada perniagaan asing. Enam syarikat kaptif baru ditubuhkan pada tahun 2018, yang semuanya berasal dari rantau Asia.
- Sektor perbankan Labuan mengekalkan momentum perniagaannya dengan tahap pendapatan yang stabil, kecairan positif dan aset berkualiti. Jumlah aset meningkat sebanyak 8.4% kepada USD55 bilion, manakala jumlah pinjaman meningkat sebanyak 19.1% kepada USD33.2 bilion. Pinjaman yang diberikan kepada bukan pemastautin menyumbang 59.7%, dengan sebahagian besar dari rantau Asia Pasifik.
- Sektor perbankan Islam juga terus berkembang dalam pembiayaan dan deposit pelanggan, dengan jumlah aset sebanyak 2.4% kepada USD3.2 bilion, dan jumlah pembiayaan sebanyak 8.4% daripada USD2.7 bilion.
- Syarikat Dagangan Komoditi Antarabangsa Labuan (LITC) mencatatkan prestasi yang baik selaras dengan pemulihan harga minyak dunia pada 2018. Ini telah menyebabkan peningkatan yang ketara dalam keuntungan sektor sebanyak 63.2% kepada USD1.2 bilion. Untuk tahun 2018, syarikat-syarikat LITC telah merekodkan perbelanjaan dalam negeri sebanyak USD177 juta, selaras dengan keperluan perbelanjaan perniagaan tahunan minimum di Malaysia.
- Syarikat pemajakan telah merasionalisasikan operasi perniagaan mereka pada 2018 untuk mematuhi perubahan global dalam keperluan substans dalam ekonomi. Meskipun demikian, nilai kumulatif aset yang dipajak meningkat 10.2% kepada USD53.8 bilion dengan sektor minyak dan gas dan penerbangan masing-masing menyumbang 61.3% dan 37.9% daripada jumlah aset yang dipajak.
- Labuan IBFC menyaksikan banyak permulaan bagi perniagaan berasaskan teknologi kewangan (FinTech) yang ditubuhkan berkaitan dengan perkhidmatan kewangan inovatif pada tahun 2018; menawarkan struktur set lengkap dan

penyelesaian dalam bidang pembrokeran wang, perniagaan modal dan pengurusan kekayaan.

- Tinjauan pasaran yang kukuh dalam sektor pengurusan kekayaan Asia memberi peluang kepada penyedia perkhidmatan Labuan IBFC untuk terus menawarkan penyelesaian pengurusan kekayaan dalam bentuk amanah dan yayasan Labuan, sama ada untuk tujuan peribadi atau kebajikan. Pada tahun 2018, 38 yayasan baru telah didaftarkan, menjadikan bilangan yayasan aktif kepada 162: ini mewakili peningkatan sebanyak 31% dalam pendaftaran baru. Jumlah amanah berdaftar pada tahun 2018 berjumlah 14.

Walaupun terdapat cabaran dan perubahan persekitaran dalam operasi global, laporan ini telah menunjukkan bahawa kepercayaan dan keyakinan para pelabur terhadap Labuan IBFC tetap utuh; dan pada masa hadapan, Labuan IBFC dijangka akan mendapat manfaat daripada perubahan peraturan antarabangsa yang diperkenalkan untuk memastikan substans dan ketelusan wujud dalam semua transaksi merentas sempadan.

**Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan**

**25 Mac 2019**

---

**UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:**

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan  
Unit Komunikasi Korporat dan Hubungan Luar  
Tel: 087- 591200      Fax: 087- 428200  
E-mail: [communication@labuanfsa.gov.my](mailto:communication@labuanfsa.gov.my)

## **MENGENAI PUSAT PERNIAGAAN DAN KEWANGAN ANTARABANGSA LABUAN**

Labuan IBFC menawarkan pelbagai struktur perniagaan dan pelaburan untuk memudahkan transaksi merentas sempadan, urusan perniagaan dan pengurusan kekayaan. Terletak secara strategik di tengah-tengah rantau Asia Pasifik, Labuan IBFC berada dalam lokasi terbaik untuk menerokai salah satu daripada kawasan yang paling pesat berkembang di dunia, dengan menyediakan peluang yang sempurna bagi perniagaan yang ingin berhubung dengan ekonomi Asia atau lebih jauh lagi. Persekutaran mesra perniagaannya disokong oleh rangka kerja undang-undang yang kukuh, moden dan diiktiraf di peringkat antarabangsa yang dikuatkuasakan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA).